

“Semata-mata kerana takut dikecam oleh masyarakat Cina”

PM: MCA JANGAN TERIKUT2 CARA DAP

KUALA LUMPUR 28 Julai - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta MCA supaya tidak terikut-ikut dengan cara DAP berpolitik semata-mata kerana takut dikecam oleh masyarakat Cina.

Beliau menegaskan, MCA mesti mengekalkan kerjasama dengan UMNO dan lain-lain anggota BN kerana kerjasama inilah yang menjadikan Malaysia stabil.

Tambahnya, strategi kerjasama UMNO dan MCA adalah lebih baik daripada amalan yang dilakukan oleh parti chauvinis DAP kerana kerjasama itu banyak membawa kejayaan kepada MCA.

• I LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 7

“Sebenarnya DAP yang kini terpaksa mengikut strategi kerjasama MCA dan masyarakat Cina Malaysia patut sedar akan hakikat ini,” katanya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MC4 di Wisma MCA, di sini.

Hadirsama di majlis perasmian itu ialah pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk Presiden Gerakan, Dato' Dr. Lim Keng Yaik dan Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat.

Menurut Perdana Menteri, sebenarnya strategi kerjasama UMNO/ MCA melalui BN adalah lebih baik bagi kestabilan dan pembangunan negara daripada chauvinisme ala DAP atau Pas dalam menjayakan masa depan orang-orang Cina atau Melayu.

LIHAT MUKA 2

JANGAN TERIKUT2 CARA DAP

Tambahnya, ada kalanya MCA berasa terancam oleh DAP hingga cuba menjadi lebih chauvinistik daripada DAP tetapi pendirian tersebut tidak se-cocok dengan konsep BN malah pada suatu ketika hampir memecahkan pakatan UMNO/MCA yang menjadi tunggak BN.

“Han ini apa yang berlaku ialah DAP yang berasa terancam kerana kerjasama Melayu/Cina melalui UMNO/MCA lebih berkesan dalam memberi kejayaan kepada MCA.

“DAP sudah berputar 180 darjah kerana bukan saja sanggup bekerjasama dengan Semangat 46, tetapi sanggup bekerjasama dengan Pas, parti yang begitu ekstrim yang mendakwa kononnya akan membentuk pemerintahan Islam ala Pas,” kata Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, walaupun DAP kadangkala memenangi lebih banyak kerusi, tetapi ia tidak berjaya memerintah mahupun di peringkat negeri.

Justeru itu katanya, perjuangan DAP bagi orang-orang Cina tidak pernah berhasil malah yang telah dibuat oleh DAP ialah mengeruhkan lagi suasana dalam negara.

“Apakah yang DAP tawarkan kepada kaum Cina yang lebih baik daripada MCA... yang akan diperolehi oleh kaum Cina jika DAP berjaya hanyalah Ketua Menteri Pulau Pinang akan dipegang oleh Encik Lim Kit Siang dan bukannya Dr. Koh Tsu Koon,” tegasnya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, Perdana Menteri dan Menteri - Menteri Besar akan terus dipegang oleh orang Melayu sama ada Melayu daripada Semangat 46 atau Pas.

Beliau menegaskan, tidak ada apa yang boleh dilakukan oleh DAP untuk

masyarakat Cina, yang tidak dapat dilakukan oleh MCA dan Gerakan.

Sebenarnya, tambah Perdana Menteri, kerjasama Melayu/Cina dan UMNO/MCA lebih menguntungkan masyarakat Cina daripada perbalahan antara Melayu dan Cina yang dianjurkan oleh DAP.

Menurutnya, kerjasama inilah yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara sebagai yang tertinggi sekali di dunia dan yang mana hasilnya banyak dinikmati oleh masyarakat Cina.

Katanya, DAP kononnya mahu menjadi juara golongan yang memiliki tanah apabila menimbulkan isu pengambilan tanah, tetapi menurutnya, mereka sebenarnya melupakan nasib golongan yang tidak mempunyai tanah.

“Kerajaan Barisan Nasional bukanlah kerajaan yang menadabir secara buta tuli. Kalau kita nak ambil tanah, ada sebabnya, bukan ambil begitu sahaja.

“Kita harus bangunkan negara kita. Tidak mungkin kita bangunkan negara kalau tidak ada kuasa untuk ambil tanah,” katanya.

Menurutnya, pindaan kepada Kanun Tanah Negara sebenarnya hanya untuk menjadikan undang-undang itu lebih jelas dari sebelumnya agar tidak lagi menimbulkan kemungkinan kerajaan didakwa di mahkamah dan bagi melicinkan lagi pentadbiran tanah.

Mengenai ucapan Presiden MCA, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, beliau mengucapkan tahniah kerana sebelum itu menyampaikan ucapan yang beras dan seimbang kepada ahli-ahli MCA.

Menurutnya, ini membuktikan selagi ada pemimpin yang bersemangat BN selagi itulah kerajaan BN akan berjaya.